


NAMA : TINGKATAN : TARIKH :




1. Mencukur atau mencabut bulu kening adalah diharamkan kerana
 - A mendatangkan kemudaratan kepada wajah
 - B wajah akan kelihatan tidak menarik
 - C menyerupai perbuatan orang kafir
 - D mengubah ciptaan Allah S.W.T.
2. Hukum memakai susuk untuk kecantikan diri ialah
 - A sunat
 - B harus
 - C haram
 - D wajib
3. Salah satu amalan berhias diri ialah
 - A memakai rantai bagi lelaki
 - B memakai rambut palsu
 - C memotong kuku
 - D mandi bunga
4. Islam menyukai sesuatu yang bersih dan cantik kerana
 - A menjaga maruah diri dan agama
 - B menarik pandangan orang ramai
 - C menunjukkan kebesaran Allah
 - D kecantikan anugerah Allah
5. Hikmah Islam melarang lelaki memakai emas dan sutera ialah
 - A membezakan pakaian lelaki dan perempuan
 - B melambangkan pakaian upacara agama lain
 - C emas dan sutera adalah pakaian mewah
 - D tidak sesuai dengan kulit lelaki

ISI TEMPAT KOSONG

1. Hukum memakai bau-bauan bagi lelaki apabila hendak ke masjid ialah_____.
2. Melakukan pembedahan anggota badan adalah haram kecuali untuk tujuan_____.
3. Membuat tatu atau membuat tanda pada anggota badan adalah _____.
4. Islam membenarkan pakaian berfesyen selagi batas-batas_____ dijaga.

Lengkap peta minda di bawah berkaitan dengan hukum mandi:



BAHAGIAN B

1. Islam menggalakkan umatnya berhias diri
 - (i) Apakah yang dimaksudkan dengan berhias diri ? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** adab berhias diri. [4 markah]
 - (iii) Berikan pandangan anda, kenapa masih terdapat orang yang tidak menjaga kekemasan diri. [2 markah]
2. (i) Ramai dalam kalangan wanita yang bertudung tetapi tidak menepati syarak. Sebagai seorang muslim, cadangkan cara untuk mengatasi masalah tersebut. (KBAT) [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** sebab masih terdapat umat Islam yang berhias diri tidak mengikut syariat. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah beradab dalam berhias diri. [4 markah]
3. Nyatakan hukum dan alasan bagi masalah berikut :
 - i. Azman memakai rantai emas pemberian ibunya. [2 markah]

BAB ADAB TINGKATAN 4

ii Aminah melakukan pembedahan plastik akibat melecur yang teruk.

[2 markah]